

27/05/2002

Syarahan Perdana Palestin bukan untuk kepentingan politik: Najib

KUANTAN, Ahad - Majlis Syarahan Perdana Palestin dan Kemanusiaan pada 8 Mei lalu yang mempertemukan pemimpin kerajaan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Ketua Pembangkang yang juga Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, diadakan bukan untuk mencari kepentingan politik.

Berikutan itu, tuduhan kononnya Umno berjaya memerangkap atau mengumpan Pas menerusi penganjuran majlis itu, perlu dihentikan kerana kedua-dua pihak diberi peluang seimbang untuk menyampaikan ucapan.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata perasaan tidak puas hati yang ditimbulkan di kalangan pembangkang mungkin disebabkan sanjungan tinggi yang diterima Perdana Menteri berikutan kandungan ucapannya yang bernas.

Beliau berkata, prestasi persembahan ucapan bergantung kepada dua pemimpin terbabit dan kejayaan ucapan Dr Mahathir itu membuktikan beliau seorang pemimpin yang berwibawa.

"Sebenarnya tawaran dibuat kepada dua pemimpin iaitu Umno dan Pas dan peluang yang sama turut diberikan kepada mereka berucap dengan liputan secara langsung.

"Bagaimanapun, soal prestasi persembahan, ia bergantung kepada cara masing-masing. Kita tidak dapat elak jika ucapan Perdana Menteri mendapat sanjungan kerana perkara yang disentuhnya itu membuka hati dan pandangan masyarakat.

"Jika dari segi politik, Pas menganggap mereka gagal mencapai sesuatu, itu bukan salah kita dan tidak wajar menuduh Umno memasang perangkap atau mengeksploitasi majlis itu untuk kepentingan politik," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Umno Bahagian Kuantan, di sini hari ini.

Turut hadir, Ketua Bahagian Umno Kuantan, Datuk Wan Adnan Wan Mamat dan ahli Parlimen Kuantan, Tan Sri Khalil Yaakob yang juga Setiausaha Agung Umno.

Pada majlis itu, seramai 102 ahli cawangan Kamunting, di sini, diketuai Wan Hashim Wan Ismail, menyerahkan borang permohonan memasuki Umno kepada Najib dan bersumpah keluar dari parti Pas.

(END)